

# ASMALIV EXPECTORANT

Salbutamol sulfate/Guaiphenesin (1.2mg/50mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Asmaliv Expectorant
2. Bagaimana Asmaliv Expectorant berfungsi
3. Sebelum menggunakan Asmaliv Expectorant
4. Cara menggunakan Asmaliv Expectorant
5. Semasa menggunakan Asmaliv Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Asmaliv Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Asmaliv Expectorant

Ia membantu menyingkirkan kahak dan melegakan pengecutan dinding dan otot saluran pernafasan secara tiba-tiba, yang menyebabkan kesukaran bernafas bagi pesakit lelah dan radang tiub bronkial di dalam paru-paru.

## Bagaimana Asmaliv Expectorant berfungsi

Salbutamol bertindak pada reseptor dalam paru-paru yang dikenali sebagai reseptor beta 2. Ia merangsang reseptor yang mengakibatkan otot di dalam saluran pernafasan menjadi tidak tegang, dan akhirnya membolehkan saluran udara terbuka.

Guaiphenesin adalah ekspektoran yang mencairkan dan memudahkan penyingkiran kahak tebal.

## Sebelum menggunakan Asmaliv Expectorant

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Asmaliv Expectorant jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

### Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Asmaliv Expectorant jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.
- mempunyai kelenjar tiroid terlampau aktif.
- mempunyai masalah jantung dan salur darah seperti kekurangan bekalan darah ke jantung (penyakit jantung iskemia), denyutan jantung tidak normal, penebalan dan pengerasan saluran darah (arteriosklerosis), tekanan darah

tinggi, benjolan dalam salur darah (aneurisme), sakit dada.

- mempunyai paras gula darah yang tinggi.
- mempunyai glaukoma (tekanan dalam mata meningkat)

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Salbutamol boleh bertindak balas dengan:

- agen anestetik (cyclopropane, halothane).
- *cardiac glycosides, quinidine, tricyclic antidepressants*: meningkatkan risiko mengalami aritma (gangguan irama jantung).
- *β-adrenoreceptor blocking agents*: mengurangkan kesan salbutamol
- *aminophylline, xanthines, diuretic therapy*: menyebabkan paras kalium yang rendah dalam darah (hipokalemia).

## Cara menggunakan Asmaliv Expectorant

### Berapa banyak harus digunakan

Diambil tiga atau empat kali sehari.

- *Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas*: 10ml hingga 15ml
- *Orang tua*: dos permulaan 5ml
- *Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun*: 10ml
- *Kanak-kanak 2 hingga 6 tahun*: 5ml hingga 10ml.

### Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

### Jika terlupa menggunakannya

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk loya, muntah-muntah, denyutan jantung yang terlalu pantas, pergerakan bergetar dan pengembangan saluran darah.

## Semasa menggunakan Asmaliv Expectorant

### Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Asmaliv Expectorant.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.
- Minum dan telan ubat secara perlahan.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda
- Jangan berkongsi Asmaliv Expectorant dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Hati-hati apabila memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Anvelin Syrup boleh mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera.

## Kesan-kesan sampingan

- Getaran ringan (biasanya pada tangan).
- Sakit kepala.
- Gemuruh.
- Pengembangan salur darah.
- Denyutan jantung yang pantas.
- Bengkak pada muka, mata, bibir, lidah (*angioedema*).
- Ruam merah dan gatal yang timbul pada kulit.
- Kesukaran bernafas.
- Tekanan darah rendah.
- Paras kalium yang rendah dalam darah (hipokalemia)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

# ASMALIV EXPECTORANT

Salbutamol sulfate/Guaiphenesin (1.2mg/50mg per 5ml)

---

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-85535550, atau lawan web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Asmaliv Expectorant**

### Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

Sirap jernih, tidak berwarna dengan perisa *raspberry*.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Salbutamol (sebagai Salbutamol Sulphate),  
Guaiphenesin.

Bahan-bahan tidak aktif

Propylene Glycol, Syrup, Methyl

Hydroxybenzoates, Propyl

Hydroxybenzoates, Raspberry Flavour,

Citric Acid Anhydrous, Saccharin Sodium,

Sodium Citrate, Glycerin, Purified Water.

### Nombor MAL

MAL19972527A

## **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd

1-5 Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

20 Ogos 2015

## **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)200815/00268